

Nuzul al-Qur'ān – Turunnya al-Qur'ān, Sebagai Ingatan dan Panduan Hidup Utama

Dalam bulan Ramaḍān yang mulia ini, terutamanya pada 17 Ramaḍān, umat Islam di mana-mana sahaja telah menjadikannya suatu hari tradisi memperingati sebagai hari yang bertuah di dalam mana pada hari ini, Junjungan kita Muḥammad ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam menerima wahyu yang pertama daripada ayat Allah yang mesti disampaikan kepada umatnya – dan mengesahkan Rasulullah sebagai seorang rasul yang akhir di bumi ini. Bagaimana tanggungan jiwa menerima beban yang berat menerima wahyu yang pertama itu tidaklah saya paparkan di sini, tetapi saya hendak mencuba menganalisa ayat yang pertama turun itu kepada perkembangan hidup kita kerana ajaran al-Qur'ān itu adalah membawa pengertian dan pelajaran untuk setiap saat dan masa.

(Oleh: Edrus)

Ayat yang pertama yang diturunkan Allah dan dibawa oleh Saiyidina Jibrīl ‘alayhi al-salām mengandungi hanya empat ayat iaitu:

1. *Iqra' bi ismi rabbika alladhī khalaq,*
2. *Khalaqa al-insāna min 'alaq,*
3. *Iqra' wa rabbuka al-akramu alladhīna 'allama al-qalam,*
4. *'Allama al-insāna mā lam ya 'lam.*

Maksudnya:

1. Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menjadikan (sekalian alam),
 2. Telah menjadikan manusia daripada seketul darah,
 3. Bacalah! Kerana Tuhanmu itu yang Amat Mulia – yang mengajar dengan (perantaraan) *qalam*,
 4. Telah mengajar manusia apa yang mereka tidak tahu.
- Ahli tafsir menerangkan “Bacalah dengan nama Tuhanmu”

itu maksudnya dengan kudrat dan iradat Tuhanmu, jadilah kiranya engkau seorang yang tahu membaca. Ini dapat diperhatikan kebenarannya kerana terkadang-kadang manusia walaupun bagaimana bersusah-payah diajar – ajaran tidak termasuk dan menjadi pelupa dan tidak ingat apa yang diajarkan itu. Tetapi kalau Allah memberi pertunjuk dan hidayah-Nya adalah sangat mudah bagi

seseorang memperoleh dan ingat apa yang diajarkan kepadanya.

Kemudian Allah memperingatkan tentang kejadian manusia sesudah Ādam dan Ḥawwā' dijadikan iaitu terjadi daripada seketul darah yang menjadi daripada percantuman air sulbi anak Ādam yang ditampung oleh keturunan Ḥawwā'.

Di dalam suatu risalah yang ditulis oleh Ustaz Yusuf al-Azam telah mengulas perkara yang ada perkaitannya dengan ayat ini di dalam mana beliau menggambarkan bahawa percantuman antara keturunan Ādam dan Ḥawwā' itu hendaklah “disahkan” dan kemudian di dalam malam yang pertama atau percantuman yang pertama beliau memperingatkan ajaran Rasulullah supaya tiap-tiap keduanya bermohon kepada Allah mendapat anak yang suci dan bersih dengan berdoa:

Allāhumma ajnibi al-shayṭāna wa jannibi al-shayṭana ma razaqnā¹.

Ertinya: “Ya Allah ya Tuhanku! Jauhilah syaitan

dan hindarkanlah syaitan itu dari apa yang

Engkau anugerahi kepada kami. (Daripada anak pinak).”

Doa ini bermohon kepada Allah supaya buah yang didapati daripada pergaulan suami isteri itu bersih.

¹ Perkataan sebenar ialah *Allāhumma jannibnā al-shayṭāna wa jannibi al-shayṭāna mā razaqtanā*. Merupakan sebuah hadith.

tetapi adakah buah itu kelak akan bersih kalau ia tidak dikawal dan dijaga dengan baik?

Daripada percantuman itu, kalau berhasil dengan kurnia Allah, menjadi seketul darah. Darah itu hidup di dalam rahim ibu dari satu ke satu masa membesar sehingga berbentuk dan berupa sehingga kepada empat bulan sepuluh hari, biasa; mulailah ditiupkan roh ke atasnya. Di dalam masa membesar itu, darah itu adalah berhajat kepada “makanan” yang terdiri daripada darah ibunya dan sebab itulah pemeliharaan atas kejadian darah itu mestilah dikawal dengan sempurna.

Untuk membersihkan darah itu, mestilah kita memelihara barang-barang yang dimakan hendaklah suci di dalam semua makna. Suci pada aslnya, yakni tidak barang itu barang-barang najis atau kotor seperti arak,

tuak, daging babi dan sebagainya yang diharamkan oleh agama. Demikian juga hendaklah ia suci daripada puncanya, yakni barang-barang yang asalnya syubhah – tipu, rasuah, curi, samun dan rompak serta tipu daya yang tidak dihalalkan oleh agama – walhasil barang-barang yang tidak diluluskan kita memakannya kerana ia hak milik orang dengan tidak seizin orang yang punya.

Kalau kandungan itu diberi makan dengan barang-barang demikian, apakah akan diharap darah yang mengalir di dalamnya akan suci dan akan balik untuk memperjuangkan cita-cita yang baik? Sebab itu Allah, di dalam pertama-tama ayat yang disampaikan-Nya memperingatkan manusia menjaga kebersihan dirinya, semoga dapat ia mempunyai darah yang mengalir di dalam tubuh dengan barang-barang yang suci dan akan tercantum daripadanya pula roh-roh yang suci dan



Suatu pemandangan di kemuncak Jabal Nūr – (Gambar Edrus Qalam)

mulia.

Selain itu Rasulullah pula memperingatkan supaya orang-orang (wanita yang hamil) itu hendaklah dijaga pula daripada melihat dan pergi ke tempat-tempat maksiat apa-lagi melakukannya kerana yang demikian akan mudah pula mempengaruhi kepada kanak-kanak yang ada di dalam kandungan ibunya.

* * *

Bacalah kerana Tuhanmu yang Maha Mulia yang mengajar dengan perantaraan *qalam*... yakni tulisan itu telah mengajar manusia apa yang mereka tidak tahu.

Dari kecil Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*

tidak tahu membaca dan menulis, maka dengan mukjizat

Allah, jadilah ia seorang yang pandai membaca, tetapi

Allah tidak jadikan ia pandai menulis kerana kalau

Rasulullah pandai pula menulis nescaya musuh-musuhnya

akan mengatakan ia tulis dan atur sendiri dan

dapatlah mereka membuat tuduhan-tuduhan lain lagi.

Oleh perintah ayat-ayat ini maka agama membentengkan

sebagai perkara wajib supaya umatnya tahu membaca dan

menulis. Dengan bacaan itu kita dapat mengetahui agama

dan ilmu-ilmunya. Dengan bacaan kita dapat pertunjuk jalan

bagi mencapai kemuliaan di dunia dan di akhirat. Kita

memerlukan ilmu di dalam tiap-tiap urusan dan bagi



Gua Hīrā' yang bersejarah, terletak di kemuncak Jabal Nūr, di sinilah tempat Nabi bersemadi sehingga turunnya ayat al-Qur'ān yang pertama diturunkan kepada baginda untuk seluruh umat Islam. – (Gambar Edrus Qalam).

mendapat ilmu itu kita perlu tahu membaca.

akhirat.

Sesudah itu, orang-orang yang tahu menulis hendaklah menyampaikannya kepada yang tidak tahu (mengajarnya). Dengan tulisan itu pula kita dapat menyampaikan perintah-perintah agama kepada orang-orang yang belum tahun². Dengan tulisan pula kita dapat sampaikan suatu perkhabaran untuk umum dan dengan tulisan juga dapat kita membuat suatu seruan dan ajakan untuk kebaikan dunia dan

Kesimpulannya: daripada darah yang bersih, menimbulkan jiwa yang suci dan daripada jiwa dan tubuh yang suci itu dapat diisi dengan ilmu yang diajar oleh Allah dengan *qalam* – dengan cara yang demikian ia menggambarkan segala kerja-kerja yang dibuatnya hendaklah dengan kerana Allah Ta‘ālā semata-mata.



Suatu pemandangan di tempat yang sempit hendak menuju ke Gua Hirā' yang terletak di Jabal Nūr. – (Gambar Edrus Qalam).

² Perkataan sebenar ialah tahu.